

Sinar Harian - KWSP Tinjau Pasaran Amerika Latin

 Selasa, Feb 13 2018

KWSP tinjau pasaran Amerika Latin

SH 13/2

KUALA LUMPUR - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) meninjau peluang pengembangan ke pasaran Amerika Latin sebagai usaha meningkatkan portfolio aset globalnya kepada 32 peratus tahun ini berbanding 28 peratus pada 2017.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Shahril Ridza Ridzuan berkata, peningkatan portfolio aset di luar negara akan memberikan KWSP kepelbagaian dan pulangan.

"Kami perlu mempunyai portfolio seimbang dan meningkatkan pendedahan sebanyak mungkin," katanya pada taklimat berhubung dividen 2017 KWSP di sini, semalam.

Menurutnya, pelaburan di luar negara turut memberikan pulangan tinggi, menyumbang 41.4 peratus daripada keseluruhan pendapatan, walaupun ia hanya 28 peratus daripada keseluruhan jumlah pelaburan tahun lalu. - *Bernama*



Shahril Ridza ketika berucap pada taklimat media berkenaan Dividen KWSP 2017 Simpanan Konvensional dan Simpanan Syariah, semalam.